

## PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

**NAMA DOKUMEN** : SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2021  
**PENILAIAN PROGRAM MOD PENAWARAN INDUSTRI (2u2i) BERDASARKAN 'GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MOD PENGAJIAN 2u2i' DAN 'DOKUMEN PENILAIAN KENDIRI MOD PENGAJIAN INDUSTRI (2u2i)**


**NOMBOR RUJUKAN** : MQA.100-1/7/2 JLD 4(3)

**EDISI** : -

**TARIKH KUATKUASA** : 18 MEI 2021

### DILULUSKAN

Tandatangan :



Nama: Prof. Madya Dr. Noor Hasmini binti Hj Abd Ghani

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 01 Ogos 2021

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 ( 3 )

Tarikh : 18 Mei 2021

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 5/2021**

**PENILAIAN PROGRAM MOD PENAWARAN INDUSTRI (2u2i) BERDASARKAN 'GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MOD PENGAJIAN 2u2i' DAN 'DOKUMEN PENILAIAN KENDIRI MOD PENGAJIAN INDUSTRI (2u2i)'**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, MQA telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 3/2016 bertarikh 25 Februari 2016 yang memaklumkan tentang pembangunan 'Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning, GGP: WBL)' bagi menggalakkan PPT menggunakan pendekatan WBL dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum program pengajian.

3. Pada tahun 2017, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah menerbitkan '**Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i (GP 2u2i)**' sejajar dengan inspirasi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan. Usaha ini dapat merapatkan jurang ketidaksepadanan antara kehendak industri dan graduan apabila Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan industri bergabung dalam proses pembangunan dan penyampaian kurikulum.

4. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (MKSDJK KPT-MQA) Bil. 1/2021 bertarikh 12 Mac 2021 telah bersetuju bahawa program pengajian yang dibangunkan dengan **struktur Mod Penawaran Industri (2u2i) perlu melalui penilaian akreditasi menggunakan ketetapan yang dinyatakan dalam 'GP 2u2i'** walaupun terdapat situasi PPT mengemukakan permohonan akreditasi program pengajian sebegini sebagai Mod Penawaran Kerja Kursus dengan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran secara *Work-Based Learning* (WBL).

5. Sehubungan dengan itu, MQA telah membangunkan '**Dokumen Penilaian Kendiri Mod Pengajian Industri (2u2i)**' seperti dalam **Lampiran A** berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam GP 2u2i untuk membantu PPT memahami struktur program 2u2i dan aspek kualiti yang perlu dipenuhi semasa penilaian Akreditasi Sementara (Provisional Accreditation, PA) dan Akreditasi Penuh (Full Accreditation, FA).

6. PPT disarankan untuk menggunakan 'Dokumen Penilaian Kendiri Mod Pengajian Industri (2u2i)' bagi menjalankan penilaian sendiri terhadap program Mod Penawaran Industri (2u2i) sebelum mengemukakan permohonan akreditasi kepada MQA. Selain dari itu, ia boleh dijadikan rujukan tambahan semasa menyediakan dokumen permohonan akreditasi program Mod Penawaran Industri (2u2i).

7. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan program Mod Penawaran Industri (2u2i) mencakupi aspek jaminan kualiti yang ditetapkan bagi memastikan proses penilaian akreditasi program dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

8. 'Dokumen Penilaian Kendiri Mod Pengajian Industri (2u2i)' boleh dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,




**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)  
Tingkat Bawah, Menara PTPTN  
Blok D, Megan Avenue II  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng  
**50450 W.P. KUALA LUMPUR**
6. Ketua Pegawai Eksekutif  
Education Malaysia Global Services (EMGS)  
Tingkat 20, Menara TA One  
22 Jalan P Ramlee  
**50250 W.P. KUALA LUMPUR**

7. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Aras 2, Bangunan Canseleri  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
**35900 TANJONG MALIM, PERAK**
  
8. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Aras 9, Canseleri  
Universiti Malaya  
**50603 W.P. KUALA LUMPUR**
  
9. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Malaysia Kelantan  
Karung Berkunci 36  
**16100 PENKALAN CHEPA, KELANTAN**
  
10. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)  
Pejabat Presiden  
Universiti Multimedia  
Persiaran Multimedia  
**63100 CYBERJAYA, SELANGOR**
  
11. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**

12. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
13. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
14. Presiden  
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)  
1<sup>st</sup>-3<sup>rd</sup> Floor  
85, Jalan Gaya  
**8000 KOTA KINABALU, SABAH**
15. Presiden  
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)  
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of  
Advance Technology Sarawak  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING, SARAWAK**



## DOKUMEN PENILAIAN KENDIRI ASPEK MOD INDUSTRI (2u2i)

### TUJUAN DOKUMEN

Dokumen ini dibangun berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i keluaran Jabatan Pendidikan Tinggi, 2017.

Tujuan dokumen ini dibangunkan adalah untuk membantu Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) memahami struktur program 2u2i dan aspek kualiti yang perlu dipenuhi oleh program 2u2i semasa penilaian akreditasi dijalankan.

PPT digalakkan untuk menggunakan dokumen ini untuk tujuan berikut:

- i) menjalankan penilaian sendiri terhadap program 2u2i masing-masing sebelum permohonan akreditasi dikemukakan kepada MQA; dan
- ii) sebagai panduan tambahan semasa menyediakan dokumen permohonan akreditasi.

Dokumen ini diyakini dapat membantu PPT dalam memastikan program 2u2i masing-masing mencakupi aspek kualiti yang sewajarnya dan seterusnya melancarkan proses penilaian program 2u2i masing-masing.

## PENILAIAN KENDIRI ASPEK MOD INDUSTRI (2u2i)

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
<b>BIDANG 1: PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM (AREA 1: PROGRAMME DEVELOPMENT AND DELIVERY)</b>			
<b>REKABENTUK KURIKULUM</b>			
	a) Adakah kurikulum program ini direka bentuk secara kerjasama antara PPT dan industri/organisasi yang berkaitan? Adakah industri/organisasi yang dipilih sesuai dengan kursus komponen industri?	Provisional Accreditation (PA) & Full Accreditation (FA)	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <b>Ulasan</b>
	b) Adakah industri/organisasi yang terlibat dalam proses pembangunan kurikulum program ini? Jelaskan penglibatannya. Adakah input yang diberikan oleh industri/organisasi diambil kira dengan sewajarnya?	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	c) Adakah PPT melantik wakil industri/organisasi sebagai penasihat dalam Jawatankuasa Rekabentuk Kurikulum ?  Adakah individu yang dilantik sesuai dari segi kelayakan dan pengalaman ?	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	a) Adakah hasil pembelajaran kursus komponen industri diintegrasikan ke dalam kurikulum dengan baik oleh PPT ?	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Adakah PPT membangunkan silibus kursus komponen industri bersama industri/organisasi?	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	<p>c) Adakah kursus komponen industri yang dipilih untuk dikendalikan di industri/organisasi adalah bersesuaian?.</p> <p><i>Nota: Kursus komponen industri mestilah terdiri daripada Kursus Teras program pengajian dan/atau Elektif Teras seperti ketetapan di perkara 2.2.3 GP2u2i.</i></p>	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	<p>d) Adakah modul latihan/pengajaran kursus komponen industri dibangunkan berdasarkan SOP industri/organisasi? Komen tentang kesesuaiannya.</p>	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	<p>e) Nilai komponen industri/organisasi dalam kurikulum dari aspek berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. kesesuaian model mode pengajian 2u2i yang diguna pakai oleh PPT. <i>Nota : rujuk GP2u2i perkara 2.2</i></li> <li>ii. Adakah komponen industri mencapai 20% (jika dijalankan setahun di industri/organisasi) - 40% (jika dijalankan dua tahun di industri/organisasi) daripada jumlah kredit bergraduat?</li> </ul>	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	iii. Adakah tempoh penempatan industri/organisasi minimum untuk program ini adalah setahun?		
	f) Adakah program ini hanya untuk pelajar sepenuh masa (min. 40 jam seminggu)?  <i>Nota: Pelajar separuh masa tidak dibenarkan untuk mengambil program mode industri (2u2i)</i>	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	g) Adakah setiap kursus komponen industri mengandungi elemen praktikal sekitar 60% - 70%?	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	h) Nilai Pelan Pengajian Program dari aspek :  i. Kesesuaian kombinasi tempoh PdP yang berlaku di PPT dan luar kampus (3u1i, 2u2i, 2u1i, 1u1i dll)  ii. Kepatuhan terhadap keperluan minima penempatan pelajar selama setahun di industri/organisasi dan	PA & FA          PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak          <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	keberadaan pelajar di industri/organisasi dalam tempoh minimum 40 jam seminggu. <i>Nota : rujuk GP2u2i m.s 5</i>  Kepatuhan terhadap ketetapan komponen industri/organisasi mesti dijalankan di semester akhir program. <i>Nota : rujuk perkara 2.2.3 GP2u2i</i>	PA & FA	
	i) Adakah terdapat mekanisma penilaian pencapaian CLO kursus komponen industri dan PLO Mod pengajian 2u2i.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	a) Adakah PPT telah mengenal pasti industri/organisasi bagi penempatan pelajar kursus komponen industri? (PA)	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Nilai industri/organisasi yang dipilih oleh PPT sesuai untuk mengendalikan PnP kursus komponen industri dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. bidang program yang ditawarkan oleh PPT;</li> <li>ii. berdaftar dan mematuhi undang-undang;</li> <li>iii. fasiliti untuk pembelajaran kursus komponen industri;</li> </ul>	PA & FA PA & FA FA FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	iv. kemampuan menyediakan jurulatih industri yang berkelayakan ; dan v. polisi latihan industri/organisasi yang dipilih.	FA	
	c) Adakah PPT menjalinkan kerjasama formal dengan industri/organisasi yang akan (PA) /telah (FA) menerima pelajar program ini? (FA)	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	d) Apakah jenis dokumen rasmi perjanjian antara PPT dan industri/organisasi? Nota kerjasama/ nota persefahaman /surat hasrat/MoU/MoA?  Nota:  Untuk penilaian di peringkat PA, jika PPT hanya mengemukakan surat hasrat kerjasama di antara PPT dan industri semasa permohonan PA dikemukakan kepada MQA, satu syarat khusus iaitu "Memastikan MoU di antara PPT dan industri/organisasi ditandatangani sebelum penempatan pelajar ke kursus komponen industri" akan diletakkan jika program tersebut lulus PA.	PA  (Memadai surat hasrat kerjasama)  FA  (Sekurang-kurangnya perlu ada MoU)	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	<p>e) Apakah dokumen rasmi perjanjian atau lain-lain dokumen menyatakan ketetapan berkaitan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tanggungjawab industri/organisasi melantik penyelaras industri/organisasi 2u2i dan Jurulatih Industri/organisasi ;</li> <li>ii. Tanggungjawab industri/organisasi menyediakan sumber, fasiliti dan kepakaran yang bersesuaian ; dan</li> <li>iii. Kebenaran staf akademik PPT melawat pelajar semasa di industri/organisasi.</li> </ul>	FA	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>
	<p>f) Adakah program ini memenuhi ketetapan pengendalian kursus komponen industri secara <i>Block Release</i> ?</p> <p>Adakah ianya dijalankan dengan berkesan ?</p> <p><small>Nota: hanya <i>Block Realease</i> sahaja dibenarkan untuk komponen industri/organisasi – rujuk 3.3 GP2u2i. <i>Day Release</i> hanya untuk kursus komponen Universiti.</small></p>	<p>PA &amp; FA</p> <p>FA</p>	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>
1.3.2	<p>Adakah pengiraan kredit kursus komponen industri menggunakan kaedah <i>Effective Learning Time</i> (ELT) ?</p> <p><small>Nota : Rujuk GGP:WBL, Bidang Rekabentuk dan Penyampaian Kurikulum.</small></p>	PA & FA	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
1.3.4	Adakah kaedah dan teknik penyampaian kursus komponen industri adalah bersesuaian dan berkesan?  Nota: rujuk perkara 3.3 GP2u2i	PA & FA  (Pada peringkat PA penilaian hanya tumpu kpd kaedah yang dirancang)	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
<b>BIDANG 2: PENILAIAN PEMBELAJARAN PELAJAR (AREA 2: ASSESSMENT OF STUDENT LEARNING)</b>			
<b>PENTAKSIRAN KOMPONEN INDUSTRI/ORGANISASI</b>			
	a) Adakah pentaksiran pelajar bagi komponen industri dapat menghubungkan antara teori yang dipelajari oleh pelajar di PPT dengan praktis sebenar di industri/organisasi ?.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Adakah pentaksiran kursus komponen industri/organisasi diajarkan dengan CLO dan pentaksiran tersebut adalah selari dengan amalan penilaian yang di gunapakai IPT dan di industri/organisasi ?.	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>



NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
2.2.1	a) Rubrik penilaian i. Adakah PPT dan industri/organisasi telah menggariskan dengan jelas aspek rubrik penilaian standard? ii. Adakah rubrik penilaian setiap kursus komponen industri adalah selari dengan amalan industri/organisasi.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Fokus pentaksiran i. Adakah pemberat pentaksiran formatif dan sumatif bagi kursus komponen industri adalah bersesuaian? ii. Adakah pentaksiran komponen industri memberi penekanan ke atas komponen praktikal/kemahiran (60%-70%).  Nota : Rujuk GP2u2i: Jadual 4.1	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	c) Adakah PPT dan industri/organisasi telah menetapkan penilai kursus komponen industri ?  Adakah penilai bagi setiap kursus komponen industri (Jurulatih industri/ tenaga pengajar akademik/ badan professional/ badan pelesenan/ pelajar/ rakan pelajar/ wakil komuniti) adalah bersesuaian dari segi akademik/pengalaman?.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	<p>d) Adakah PPT dan Industri/organisasi menggariskan mekanisma dalam memberi maklum balas penilaian secara berterusan berkaitan komponen industri/organisasi kepada pelajar.</p> <p>Apakah mekanisma maklum balas yang digariskan/digunapakai adalah bersesuaian?.</p> <p><i>Nota: GP2u2i di perkara 4.1 dinyatakan tempoh pemberian maklum balas adalah satu atau dua minggu selepas tugas dilaksanakan.</i></p>	FA	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>
	<p>e) Adakah pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif bagi komponen industri lengkap dan mencukupi bagi mengukur prestasi pembelajaran pelajar secara kolektif yang jelas ke atas kompetensi pelajar?.</p>	PA & FA	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>
2.2.2	<p>Adakah pentaksiran di industri/organisasi dilakukan bebas daripada ancaman dan prasangka?.</p>	FA	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
2.2.3	a) Adakah hasil semakan sama ada pentaksiran yang dijalankan di industri/organisasi adalah menepati keperluan kalendar akademik PPT?	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Adakah komponen industri/organisasi diberi nilai gred yang menyumbang kepada PNG dan PNGK?.	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
<b>BIDANG 3: PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR (AREA 3: STUDENT SELECTION AND SUPPORT SERVICES)</b>			
3.2.1	<p>Komen kesesuaian dasar/kriteria berkaitan perkara berikut dan sama ada maklumat berikut disebarluas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. proses pemilihan pelajar untuk program Mod Pengajian 2u2i;</li> <li>ii. proses pemilihan pelajar bagi penempatan di industri/organisasi. (penglibatan industri/organisasi dalam proses pemilihan dan penempatan pelajar);</li> <li>iii. jumlah penempatan pelajar di industri/organisasi;</li> <li>iv. proses rayuan pelajar ke program Mod Pengajian 2u2i;</li> <li>v. proses pertukaran pelajar dari program 2u2i ke program lain;</li> <li>vi. mekanisma artikulasi/pemindahan kredit dan pengecualian kredit</li> </ul> <p>Nota: GP2u2i perkara 6.2.5 menyatakan bahawa kursus yang dikategorikan sebagai komponen industri/organisasi mesti diambil dan tidak boleh disetarakan/ diberi pengecualian/pemindahan kredit.</p>	<p>PA dan FA</p> <p>(Penilaian semasa PA hanya perlu fokus kepada kewujudan dasar berkaitan sahaja)</p>	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
3.3.1	a) Adakah industri/organisasi mengambilkira/menyediakan aspek kebajikan pelajar semasa pelajar menjalankan komponen industri (insuran/ kesihatan/ uniform/ tempat tinggal/ pengangkutan dll)?.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <b>Ulasan</b>
	b) Adakah terdapat polisi berkaitan aspek keselamatan pekerjaan di tempat kerja yang dibangunkan oleh pihak industri/organisasi?	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <b>Ulasan</b>
	c) Adakah terdapat ketetapan pemberian elaun/insentif kepada pelajar oleh pihak industri/organisasi ?.  <i>Nota: GGP2u2i menyatakan industri/organisasi digalakkan untuk memberi elaun/insentif kepada pelajar.</i>	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
<b>BIDANG 4: STAF AKADEMIK (AREA 4 :ACADEMIC STAFF)</b>			
4.1.3	Adakah terdapat nisbah jurulatih industri/organisasi dan pelajar yang dipersetujui oleh PPT dan Industri/organisasi ? Apakah nisbah jurulatih industri/organisasi dan pelajar yang dipersetujui adalah bersesuaian?	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	a) Adakah PPT dan Industri/organisasi telah mengenal pasti /melantik jurulatih industri/organisasi secara persetujuan bersama?	PA  (PPT hanya perlu kenalpasti industri/ organisasi dan perbincangan awal)  FA  Pelantikan dan pelaksanaan PdP berkesan semasa	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	b) Adakah jurulatih industri/organisasi tersebut mempunyai kelayakan dan pengalaman yang berseuaian?  Nota : rujuk syarat minimum kelayakan dan pengalaman di perkara 5.2.4 GP2u2i.	PA  Fokus kepada kesesuaian jurulatih yang dicadangkan	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	c) Adakah terdapat surat perlantikan rasmi jurulatih industri/organisasi?  d) Adakah TOR jurulatih industri/organisasi yang dinyatakan dalam dokumen rujukan rasmi adalah memadai ?  Nota : rujuk perkara 5.2.3 GP2u2i	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
4.2.1	<p>Adakah PPT telah merancang/mengadakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. taklimat/latihan pengajaran dan pentaksiran kepada jurulatih industri/organisasi; dan</li> <li>ii. taklimat kepada staf akademik PPT dan wakil industri/organisasi untuk menjelaskan tentang tanggungjawab dan bidang kuasa masing-masing.</li> </ul> <p><i>Nota : Antara bukti audit - senarai kehadiran latihan/ sijil penyertaan/ dll.</i></p>	<p>PA &amp; FA</p> <p><i>(Penilaian PA fokus kepada perancangan mengadakan taklimat dan FA fokus kepada bukti pelaksanaan perancangan)</i></p>	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>
<b>BIDANG 5: SUMBER PENDIDIKAN (AREA 5: EDUCATIONAL RESOURCES)</b>			
	<p>Adakah kemudahan yang disediakan oleh industri/organisasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mencukupi dengan jumlah pelajar yang ditempatkan ;</li> <li>ii. terkini ;</li> <li>iii. memenuhi keperluan PdP kursus komponen industri dan selaras dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai ;</li> <li>iv. diselenggara dengan baik ; dan</li> <li>v. menitikberatkan aspek keselamatan.</li> </ul>	<p>FA</p>	<p><input type="checkbox"/> Ya                      <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><b>Ulasan</b></p>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
<b>BIDANG 6: PENGURUSAN PROGRAM (AREA 6: PROGRAMME MANAGEMENT)</b>			
6.1.2	Adakah sistem/mekanisme penempatan pelajar yang diguna pakai oleh PPT dan industri/organisasi adalah sesuai dan berkesan?	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	a) Adakah TOR, peranan dan tanggungjawab pihak PPT dan Jawatankuasa Mod pengajian 2u2i (PPT/ Fakulti) adalah bersesuaian dan menjalankan tanggungjawab dengan berkesan?  <i>Nota : Rujuk GP2u2i: 5.1.1 dan 5.1.2.</i>	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Adakah TOR, peranan dan tanggungjawab pihak industri/organisasi adalah bersesuaian dan berkesan dalam menguruskan komponen industri?  <i>Nota : Rujuk GP2u2i perkara 5.2.1.</i>	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
	c) Adakah PPT/industri/organisasi telah mengenal pasti /melantik <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelaras PPT Mod 2u2i</li> <li>ii. Penyelaras industri/organisasi 2u2i</li> </ul>	PA & FA FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	d) Adakah TOR berikut bersesuaian?: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penyelaras PPT Mod 2u2i (rujuk perkara 5.1.3 GP2u2i); dan</li> <li>ii. Penyelaras Industri/organisasi 2u2i (rujuk perkara 5.2.2 GP2u2i)</li> <li>iii. Jurulatih industri (GP2u2i 5.2.3)</li> </ul>	PA & FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
6.3.2	Adakah terdapat mekanisme maklum balas tentang kualiti pengajaran tenaga pengajar PPT dan jurulatih industri/organisasi bagi tujuan penambahbaikan berterusan ?	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
6.3.3	a) Adakah mekanisme pemakluman berkaitan pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran kursus komponen industri kepada pelajar oleh PPT dan industri/organisasi adalah bersesuaian?.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Adakah terdapat mekanisme pemakluman dasar/peraturan/garis panduan di tempat kerja oleh industri/organisasi ? Apakah ianya dijalankan secara berkesan?.	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
<b>BIDANG 7: PEMANTAUAN, SEMAKAN SEMULA DAN PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (AREA 7: PROGRAMME MONITORING, REVIEW AND CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT)</b>			
7.1.4	Adakah pihak industri/organisasi terlibat dalam memantau keberkesanan dan mencadangkan penambahbaikan pelaksanaan program 2u2i?	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

NO. STANDARD DALAM COPPA	ASPEK PENILAIAN	KEPERLUAN KEPATUHAN BERDASARKAN PERINGKAT PENILAIAN	PENILAIAN KENDIRI PPT
7.1.3	a) Adakah pelaksanaan lawatan pemantauan kursus komponen industri dirancang/dilakukan adalah bersesuaian dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kekerapan</li> <li>ii. Pelaporan</li> <li>iii. Tindakan atas pelaporan</li> </ul>	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>
	b) Adakah semakan semula dan penambahbaikan kursus komponen industri dijalankan dari aspek: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Modul latihan</li> <li>ii. Silibus</li> <li>iii. Pentaksiran</li> <li>iv. Kemudahan</li> <li>v. Jurulatih industri/ tenaga pengajar</li> </ul>	FA	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak  <b>Ulasan</b>

Rujukan:

1. Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i <http://jpt.mohe.gov.my/portal/2-uncategorised/113-garis-panduan-pelaksanaan-mod-pengajian-2u2i>
2. *Guideline of Good Practices: Work Based Learning* <https://www2.mqa.gov.my/QAD/garispanduan/2016/GGP%20WBL%20english.pdf>

Laporan disediakan oleh:

Nama APP :  
 Organisasi :  
 Tarikh Laporan :

